



NEGERI PERAK

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 65  
Bil. 22

**25hb Oktober 2012**

*TAMBAHAN*  
*No. 1*

---

---

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

**No. 2098.**

(Seksyen 261)

PEMBERITAHU KEPADA PEMEGANG GADAI SUPAYA HADIR  
DALAM SIASATAN

Kepada Faridah Beevi a/p Abdul Wahab (K/P: 771227-08-5404) yang beralamat di No. 121-A, Lawan Kuda Baru, 31600 Gopeng pemegang gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada tuan, pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut, suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah seksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut pada hari Selasa, 6 November 2012 jam 11.30 pagi di Pejabat Daerah dan Tanah Kampar.

Maka oleh yang demikian, menurut seksyen 261(1)(c) Kanun Tanah Negara tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah patut dibuat.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Kampar. No. Lot—3146. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.M. 980 (dulunya H.S.M. 1633 daerah Kinta). Bahagian Tanah (jika ada)—Semua bhg. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 165/2011.

Bertarikh 15 Oktober 2012  
[PT.KPR(D) 17/5-90]

NORZANITA BINTI MUHAMAD MUHKAR  
*b.p. Pentadbir Tanah  
Kampar*

**No. 2099.**

(Seksyen 257 dan 263)

## PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Norzanita binti Muhamad Muhktar, Penolong Pentadbir Tanah Kampar, pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah ini:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan jualan lelong awam, yang akan diadakan pada 7 November 2012 (Rabu) pada jam 10.00 pagi di Perkarangan Pejabat Daerah dan Tanah Kampar;
  - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM125,000.00. (Ringgit Malaysia: Seratus Dua Puluh Lima Ribu sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM125,000.00 (Ringgit Malaysia: Seratus Dua Puluh Lima Ribu Sahaja) CIMB Bank (M) Berhad.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas: RM12,500.00 (Ringgit Malaysia: Dua Belas Ribu Lima Ratus sahaja).
  - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
  - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
    - (i) maka, jumlah wang dinyatakan di dalam perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga harga belian telah dibayar; dan

- (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah wang yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah wang yang kena dibayar kepada pemegang gadaian.
- (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari (120) daripada tarikh jualan, iaitu tidak lewat dari 31 Januari 2013 dan bahawa tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah dinyatakan; dan
- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah wang yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Kampar. No. Lot—303184. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 4406. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua bhg. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 332/2001.

Bertarikh 24 September 2012  
[PT.KPR(D) 17/5-85]

NORZANITA BINTI MUHAMAD MUHKAR  
*b.p. Pentadbir Tanah  
Kampar*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA